



**UNTUK AHLI KARIAH
MASJID AL MUKARRAMAH
SAHAJA**

Buletin Masjid Al Mukarramah

Buletin Masjid Al Mukarramah
Bil 10, 2006, Syaaban 1427

www.masjidalmukarramah.org

“Dan katakanlah, Ya Tuhanku! Tambahkanilah kepadaku ilmu pengetahuan.”
(Surah Thoha: 114)

Dalam Isu ini

Penubuhan dan Pengenalan AJK Pengimaran Masjid	2
Editorial Carta Pentadbiran MAM Jadual Aktiviti Ramadhan	3
Penutupan Kursus Haji Sambutan Isra' Mikraj Sambutan Nisfu Syaaban	4
Gotong Royong Pembersihan Masjid Projek Signages Isu Pembesar Suara	5
Jadual Kuliah Bulan Oktober 2006	6
5 Rabsia Mikmat Puasa	7
Apa Yang Baru di www? www.masjidalmukarramah.org Peribadi Nabi	8
Adab ke Masjid Untuk Renungan Bersama	9
◆ Pesanan Mendengar Azan	
◆ Wasiat Nabi	
Kutipan Dana Ramadhan Kembali Kepada Al-Quran	10
Ruang Iklan	11
Sudut Sajak dan Puisi	12
Ruang Iklan	

Biro Penerangan Dan Penerbitan
Masjid Al-Mukarramah
Jalan Saga SD 8/1
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Tel/Fax: 03 6272 3944
emel:
info@masjidalmukarramah.org
Laman Web:
www.masjidalmukarramah.org



Kata-kata Aluan Dari Pengurus Masjid Al-Mukarramah

Assalamualaikum wrt wbt,
Sidang jemaah dan pembaca yang dihormati,

Pujian dan sanjungan yang maha tinggi ke Hadrat Ilahi, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi kita Muhammad saw.

Alhamdulillah, kita telah pun melalui bulan-bulan Rejab dan Syaaban saya ingin mengajak para jemaah merenung kembali hikmah di sebalik sejarah Isra' dan Mikraj dan Nisfu Syaaban yang telah sama-sama kita mengadakan sambutan bersama. Marilah bersama kita menyorot kembali antara kelebihan puasa bulan Rejab : Sebaik-baik puasa setelah Ramadhan ialah bulan haram (Rejab, Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram)

Dan kini Ramadhan al Mubarak telah tiba. Sempena bulan Ramadhan yang mulia ini saya juga menggesa saudara saudara dan diri saya sendiri supaya kita

makmurkan Masjid Al Mukarramah seperti mana dalam terkandung dalam Surah Al Taubah Ayat 18”
"Hanya mereka yang memakmurkan masjid-masjid Allah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, menegakkan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapa pun) kecuali kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan yang mendapat petunjuk." (Alquran Surat At Taubah ayat 18).

Sejak akhir-akhir ini banyak isu yang berlaku di dalam mahupun di luar negeri. Maka marilah bersama-sama kita doakan agar umat Islam terus bersatu padu memartabatkan Islam di muka bumi ini. Kita doakan umat Islam yang ditindas di Palestin, selatan Lubnan dan di santero dunia diberikan kesabaran dan nusroh dari Allah, Inshaallah.

Bagi kita di sini, marilah bersama mengorak langkah



yang terbaik, merancang dan menjana aktiviti masjid. Jadikan ia sebagai pusat aktiviti ummah al Mukarramah. Masa begitu singkat berlalu. Diharapkan para jemaah dapat membantu memperindah dan memperbaiki mana-mana kekurangan yang terzahir.

Maaf di atas segala kekurangan dan kelemahan di dalam pengurusan kami. Akhir kata selamat berpuasa dan salam aidiilfitri.

Wassalam



PENUBUHAN AJK AD HOC PENGIMARAHAN MASJID AL-MUKARRAMAH


Adalah diumumkan yang sebuah Jawatankuasa ad hoc Pengimaran Masjid al-Mukarramah telah dibentuk untuk mendukung cita-cita memberi khidmat sokongan kepada kakitangan Masjid dalam menjalankan program-program

Pengimaran Masjid al-Mukarramah. AJK ini yang dipengerusikan oleh Tuan Hj. Ahmad Ripaai bin Mohd Noh dan Ustaz Firdaus Subhi telah bermesyuarat sebanyak empat kali untuk tahun ini dan telah menjayakan pelbagai program untuk

memantapkan lagi perjalanan Masjid kita. Alhamdulillah, dengan adanya AJK ini dapatlah ahli kariah Masjid dan pengurusan Masjid berganding bahu untuk meningkatkan lagi usaha-usaha murni ini. Sila lihat catatan AJK ini seterusnya.

Hadis Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang mendapati pemimpinnya melakukan perkara yang tidak disukainya, maka hendaklah dia bersabar sesungguhnya sesiapa yang meninggalkan jemaah satu jengkal, maka matinya adalah dikira mati dalam keadaan jabiliyah.

PENUBUHAN AJK PENGIMARAHAN



PENGENALAN AJK PENGIMARAHAN MASJID

Pengerusi AJK ini ialah Tuan Haji Ahmad Ripaai bin Mohd Noh dan Ustaz Haji Firdaus Subhi.

Biro Dakwah dan Tarbiyah:- Dipengerusikan oleh Dr Hj Mahmud berfungsi untuk Mengajak manusia supaya: Beriman kepada Allah s.w.t Mencari dan mengisi ilmu pengetahuan dan Mengabdikan diri dan beramal saleh. Membudayakan cara hidup Muslim yang sejati Berukhuah dan mengintegrasikan masyarakat Muslim Membangun dan menegakkan syi'ar Islam yang menyeluruh

Biro Perayaan Islam & Umum—dipengerusikan oleh Dr Haji Zainuddin. Biro ini bertanggungjawab untuk menyediakan program-program khusus sempena sambutan hari Kebesaran Islam seperti Aidil Fitri, Aidil Adha, Ramadhan, Maal Hijrah, dan program sepanjang

tahun.

Biro Penerbitan dan Penerangan dipengerusikan oleh Saudara Zulkifli Hassan. Ianya berfungsi seperti berikut:-

Menerbitkan Bahan Bercetak seperti Buletin Masjid, flyers, posters (majlis perayaan) dan lain2 Risalah yang berkaitan. Mengendali Laman Web Masjid. Mengendali sistem SMS dan email qariah. Mengendali sistem WIFI Masjid. Mengendali keperluan ICT Masjid. Mengendali pengkalan data qariah (qariah databases: umum, fakir miskin, ibu tunggal, muallaf, dsb)

Biro Kebajikan dipengerusikan oleh Tuan Hj Ahmad Ripaai— Biro ini berfungsi sebagai menjaga kebajikan fakir miskin, ibu tunggal, anak yatim, orang kurang upaya, saudara baru dan juga dipertanggungjawab menjana kewangan untuk kerja-kerja kebajikan.

Biro-biro lain termasuk:-

- Biro Tugas Khas**—Tuan Hj Azam Tan Sri Aziz
- Biro Muslimah**—Hajah Sarah
- Biro Remaja**—Haji Shamsul
- Biro Rekreasi/ Kemasyarakatan**— Saudara Wan Ruzaila
- Biro Pendidikan dan Latihan**— Hj Mohd Subhi Ishak

AJK ini juga diwakili oleh surau-suaru Muhajirin, Surau Cempaka dan Surau Meranti, Setiausaha AJK ialah Tuan Hj Mois Alias. AJK yang dibentuk secara ad hoc mengikut keperluan JAIS dan bertujuan untuk membantu pengurusan Masjid termasuk memastikan kelancaran ibadah fardu ain dan fardu kifayah. Mereka yang berminat untuk membantu bolehlah menghubungi semua anggota AJK untuk sama-sama kita mengimarahkan dan memakmurkan MAM.

Kami mengalu-alukan sumbangan pembaca. Hantarkan aktiviti masjid, program, berita, rencana dan foto ke:

info@masjidalmukarramah.org

Atau kepada:

Biro Penerangan & Penerbitan

Masjid Al-Mukarramah
 Jalan Saga SD 8/1
 Bandar Sri Damansara
 52200 Kuala Lumpur
 Tel/Fax: 03 6272 3944

EDITORIAL



Sidang pembaca yang di hormati sekalian. Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t yang telah memberi nikmat dan kurniaNya kepada kita sehingga dapat bertemu kembali diruang ini. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan ketahui kerja-kerja untuk menerbitkan risalah seperti Buletin ini memerlukan satu komitmen yang sangat tinggi daripada ahli-ahli jawatankuasa Biro dan sokongan yang padu dari pihak pengurusan Masjid juga tidak dapat dipisahkan. Disepanjang tahun ini seperti mana yang dapat dilihat pihak masjid dan anak qariah telah sama-sama berusaha untuk menjayakan beberapa program yang bermutu. Sambutan yang diperolehi adalah sangat menggalakkan dan pihak-pihak penganjur amat terharu dengan sokongan padu yang telah ditunjukkan oleh masyarakat muslim di Bandar Sri Damansara dan kawasan sekelilingnya. Ini merupakan satu langkah positif menuju kearah mencapai matlamat untuk mengimarahkan masjid kita. Sehubungan dengan itu beberapa langkah lain telah pun di atur untuk memantapkan lagi program dan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa manfaat kepada masyarakat setempat. Sebagai langkah awal penubuhan AJK Pengimarah MAM telah pun dilaksanakan. Butir-butir mengenainya boleh didapati di mukasurat 2 Buletin ini.


Disepanjang bulan Ramadhan yang berkat ini pihak masjid dan AJK yang berkaitan telah pun menyediakan beberapa program yang menarik. Satu Forum Ilmu sempena Nuzul Al-Quran akan diadakan pada 16hb Ramadhan 1427H bersamaan 09hb Oktober 2006. Forum yang bertema "Ramadhan, Al-Quran dan Badar" akan dijayakan oleh:

1. Ustaz Zamri bin Haji Zainal Abidin-moderator
2. Ustaz Haji Roslan bin Haji Mohamed
3. Ustaz Haji Muhammad Farid Ravi bin Abdullah

Pembaca yang mempunyai akses internet diminta merujuk kepada laman web masjid untuk maklumat lanjut. Untuk pengetahuan umum laman web masjid merupakan salah satu saluran yang masjid gunakan untuk tujuan menyalurkan maklumat kepada ahli qariah. Disamping itu system SMS juga akan digunakan dari masa kesemasa. Kami juga ingin menjemput para qariah sekalian supaya terus menyumbang kepada dana masjid untuk menampung pembelanjaan yang semakin meningkat. Program kutipan RM10 sebulan dari anak qariah akan dilancarkan tidak lama lagi.

~ Wassalam ~

CARTA PENTADBIRAN MAM



Bil	Aktiviti-aktiviti Ramadhan 1427H
1	Solat sunat terawih 20 rakaat dan witr 3 rakaat
2	Majlis Tahlil Arwah ringkas 15 minit sebelum azan solat Isyak
3	Tadarrus Al-Quran muslimin dan muslimat dewasa dan remaja berkumpul
4	Kutipan Zakat Fitrah dilakukan oleh amir-amir yang dilantik oleh JAIS
5	Majlis Ilmu Tazkirah pendek setiap malam sebelum solat sunat Terawih Kuliah Subuh hari Sabtu dan Ahad dan Forum Nuzul Al-Quran Bengkel Bimbingan Remaja Sekolah Rendah dan Menengah
6	Majlis Qiamullail
7	Sumbangan Zakat dan Sedekah untuk Fakir Miskin, Anak Yatim, Ibu Tunggal, Muallaf dan Orang Kurang Upaya
8	Jamuan i. Jamuan Berbuka Puasa ii. Jamuan ringan selepas Solat sunat Terawih dan Witr (More) iii. Jamuan ringan selepas Tadarrus Al-Quran iv. Bersahur pada hari-hari tertentu e.g. Bimbingan remaja dan Qiamullail 10 hari terakhir Ramadhan

Khim Jati (M) Sdn Bhd
 No 17-1-2, Jalan 4/62D
 Medan Putra Business Center
 Off Jalan Damansara 52200 KL
 Tel/Fax: 03 6277 2050

GENERAL TRADING

Pihak Masjid ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada hamba2 Allah yang telah menyumbang untuk dana bulan Ramadhan dan khasnya untuk penerbitan Buletin pada kali ini. Jasa baik tuan2 dan puan2 sekalian hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

MAJLIS PENUTUP KURSUS HAJI BERSIRI HIJRAH 1427



1427 telah berjaya disusun-atur dengan begitu lancar dengan kerjasama yang begitu baik oleh semua AJK. Masalah audio yang membelenggu kursus-kursus haji sebelum ini telah dapat diatasi. Beliau juga berterima kasih kepada semua penyumbang dan penderma kursus terutama Saudara Tajuddin yang telah menaja makanan pada penutup kursus. Jazakallah khayran. Kita mendoakan agar bakal haji Bandar Sri Damansara mendapat kemudahan dalam perjalanan dan mendapat haji yang mabrur. Insyallah.

Majlis penutupan Kursus Haji bersiri 1427 telah diadakan pada 13hb Ogos 2006 di Masjid al Mukarramah. Sejumlah 86 peserta dan bakal haji telah menyertai kursus bersiri ini yang

telah dibimbing oleh Ustaz Dato' Mohamad Kamal, Pengurus Besar Package dan Swasta, Tabung Haji. Menurut pengerusi kursus, Kapt (B) Haji Zarak Kamal Hab-shee program tahun haji

Hazrat Abu Hurairah r.anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Seseorang yang berwuduk dengan sempurna lalu pergi (ke masjid untuk solah berjemaah) lalu mendapati orang ramai telah selesai solah berjemaah, Allah s.w.t akan memberi kepadanya ganjaran pahala yang sama sebagaimana mereka yang telah solah berjemaah, tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala mereka." (Hadith riwayat Imam Abu Daud, Nasai dan Hakim)

SAMBUTAN ISRA' MIKRAJ 1427



Bertemakan "Gemilangkan Islam Sepanjang Zaman", majlis Isra' Mikraj pada tahun ini di sambut pada 31hb Ogos 2006. Seramai 800 jemaah telah menghadiri program tersebut yang berjalan dari kuliah subuh dan diakhiri dengan ceramah perdana bertajuk "Sains dan Islam". Pada tahun ini AJK Perayaan Islam dan Umum telah turut mengadakan pertandingan table tennis pada sebelah pagi selepas bergotong royong menyediakan masakan.

Pada sebelah petang diadakan tilawah kanak-kanak. Beberapa buah gerai disediakan untuk penjualan buku-buku agama. Kemuncak sambutan ialah ceramah oleh Ustaz Shahrum yang membuktikan yang sains berkait rapat dengan al-Quran. Selepas makan malam jemaah disajikan pula dengan tayangan gambar berjodol "Muhammad. The Messenger of God"



SAMBUTAN NISFU SYAABAN 1427

Tanggal 7hb September 2006, telah diadakan sambutan Nisfu Syaaban 1427. Pada hari tersebut jemaah MAM telah sama-sama berbuka puasa dan selepas solat Maghrib telah membaca surah Al-Quran. Majlis kemudiannya disambung dengan tazkirah ringkas oleh

Ustaz Farid Ravi Abdullah yang telah mengupas-pakan semula pengertian Nisfu Syaaban. Majlis yang dihadiri kira-kira 600 orang itu telah disajikan den-



Para jemaah di Masjid Al Mukarramah

gan makan malam yang istimewa. Majlis diakhiri dengan tayangan gambar tentang perjuangan tentera Islam.

GOTONG ROTONG PEMBERSIHAN MASJID



Para jemaah bekerja keras membersihkan masjid

Alhamdulillah, kerja-kerja gotong royong pembersihan Masjid telah diadakan pada 17hb September 2006. Menurut pengurus projek gotong royong Tuan Hj Saat, sambutan amat menggalakkan dan beliau begitu terharu dengan sumbangan yang diterima termasuk ahli bomba dan mereka yang menghantar air dan makanan. Insyallah, usaha sama ini akan diteruskan dimasa-masa yang akan datang. Wassalam



Rehat sejenak selepas penat bekerja



Falsafah tamadun barat telah menyebabkan jiwa masyarakat menjadi nipis, keluarga sudah hilang kemesraan dan kasih sayang, sistem nilai sosial menjadikan siapa yang kuat berkuasa menindas, wang menjadi matlamat menyebabkan rasuah dan penyelewengan moral dan akhlak kian parah. Artis dan hiburan disanjung tetapi ilmuan di ketepikan. Jenayah kian bermaharajalela, dan masyarakat kian hilang nilai kemanusiaan. Pasaraya kian penuh tetapi masjid kian kosong dan sepi.

“PROJEK SIGNAGES” UNTUK PENGUMPULAN DANA TABUNGAN MASJID



Tidak lama lagi Masjid Al-Mukarramah akan menyaksikan papan-papan tanda diletakkan di perkarangan Masjid. Yang paling ketara ialah papan tanda “Sifat 20” akan diletakkan disetiap tiang lampu menuju ke pintu besar Masjid. Untuk pengetahuan umum papan tanda ini merupakan satu cara dalam mengutip dana tabungan Masjid.

Jemaah Masjid boleh “menaja” papan tanda tersebut dengan menyumbang terus ke pihak Masjid.

Menurut pengurus projek Sdr. Musaddikh Meah program ini bukanlah berbentuk komersil tetapi berbentuk “educational” dan dengan adanya program ini bolehlah jemaah sekalian mendapat sedikit pengetahuan.

Selain dari itu kawasan-kawasan dewan makan dan tempat wudhu akan diletakkan doa-doa yang sesuai.

Segala usaha yang baik itu semoga mendapat ganjaran dari ALLAH s.w.t.

ISU PEMBESAR SUARA

Kini saban hari kita mendengar suara-suara sumbang yang membuat lapuran yang pembesar suara Masjid-Masjid dan surau-surau mengganggu ketenteraman awam. Perkara ini berlaku di merata tempat dan bukan sahaja di Bandar Sri Damansara. Buat masa ini belum ada panduan khusus dari pihak berwajib tentang penggunaan pembesar suara ini. Jadi pihak-pihak yang terlibat kes-kes begini perlulah

membuat tindakan secara rasional dan tidak membuat tindakan yang akhirnya akan merugikan umat Islam sendiri. AJK Pengimarahen Masjid telah membuat keputusan untuk mengadakan satu Jawatankuasa Bertindak terhadap lapuran yang dikeluarkan terhadap MAM. Kini AJK Bertindak itu telah mengeluarkan surat kepada pihak atasan untuk meneliti lapuran dan tohmahan tersebut. Apa yang ditakutkan

ialah NGO yang beroperasi di Bandar Sri Damansara ini telah dipergunakan oleh elemen yang tidak baik untuk merosakkan perpaduan masyarakat di sini kerana setelah 8 tahun beroperasi belum pernah ada sebarang aduan yang sebegini di Bandar Sri Damansara. Wassalam.



Bulan Oktober 2006 Kuliah Maghrib

Tarikh	Tajuk	Penceramah	
9 Okt	Forum Ilmu Nuzul Al-Quran-selepas witr bertajuk "Ramadhan,Al-Quran dan Badar"	1.Ustaz Zamri b Zainal Abidin 2.Ustaz Roslan b Mohamed 3.Ustaz M.Farid Ravi Abdullah	
30 Okt			
31 Okt	Al-Quran - Tajwid dan Talaqi (Kuliah Maghrib)	Ustaz Syuhud bin Razalli	
Kuliah Subuh			
Tarikh	Tajuk	Penceramah	
1 Okt	Tassawuf	Ustaz Dr Ahmad Jahid Sidek	
7 Okt	Penghayatan Ramadhan-Maghfirah	Ustaz Azizan Tantawi	
8 Okt	Penghayatan Ramadhan-Perang Badar Menurut Riwayat Sirah	Ustaz Syed NorhisyamAl-Yamani	
14 Okt	Mukashafah - Al-Qulub	Ustaz Khairuzzaman	
15 Okt	Kematian	Ustaz Abd Rashid b Abd Ghani	
21 Okt	Tafsir Surah Al-Kahfi	Ustaz Ahmad Ismail	
22 Okt	Perayaan Eidul-Fitri	Ustaz Zulramli	
28 Okt	Tafsir Hadis Pilihan	Ustaz Sapidin	
29 Okt			
Kuliah Muslimah			
Tarikh	Masa	Tajuk	Penceramah
3 Okt	11.00 pg	Hadis Qudsi - Tafsir	Ustaz Wan Sohor Bani Leman
4 Okt	9.30 pg	Al - Quran - Tajwid dan Talaqi	Ustaz Syuhud bin Razalli
6 Okt	2.30 ptg	Tassawuf - Duratun Nasihin	Datin Noraini
11 Okt	9.30 pg	Al - Quran - Tajwid dan Talaqi	Ustaz Syuhud bin Razalli
17 Okt	11.00 pg	Hadis Qudsi - Tafsir	Ustaz Wan Sohor Bani Leman
18 Okt	3.00 ptg	Al - Quran - Tajwid dan Talaqi	Ustaz Syuhud bin Razalli
20 Okt	2.30 ptg	Tassawuf - Duratun Nasihin	Datin Noraini
24 Okt	11.00 pg	Umum - Dosa-dosa besar	Ustaz Wan Sohor Bani Leman
25 Okt	9.30 pg	Al-Quran - Tajwid dan Talaqi	Ustaz Syuhud bin Razalli



Hanem Gallery

- Painting
- Sculpture
- Printmaking
- Mural
- Muslim Products

No. 8 Jalan Kiara SD 11/6
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Phone : 03- 62747535
H/P : 016-282 3671



Call us for Computer repair service, advise, configuration, troubleshooting, training, quote, computer pickup and delivery. We also do WIFI, LAN, CCTV, Web Surveillance/Cam.

COMPUTER SERVICE & REPAIR

Ingen Dynamics Sdn Bhd
20-3 Jalan Damar SD 15/1
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Tel: 03-6274 9276
Email: info@zohlgrou.com
Website: www.zohlgrou.com

5 RAHSIA NIKMATI IBADAT PUASA

DR Yusuf Qardhawi dalam kitabnya 'al-Ibadah Fil Islam' mengungkapkan ada lima rahsia utama puasa yang membolehkan kita merasakan kenikmatan dalam ibadat ini.

Menguatkan jiwa.

Dalam hidup, kita mendapati ada manusia yang dikuasai hawa nafsu. Manusia seperti ini, menuruti apa yang menjadi keinginannya, meskipun ia sesuatu yang batil serta mengganggu dan merugikan orang lain. Oleh itu, dalam Islam ada perintah untuk memerangi hawa nafsu dengan maksud berusaha untuk menguasainya. Bukan membunuh nafsu yang membuat kita tidak mempunyai keinginan terhadap sesuatu bersifat duniawi. Sekiranya dalam peperangan ini (hawa nafsu) manusia mengalami kekalahan, malapetaka besar akan berlaku. Perkara ini kerana manusia yang kalah itu akan mengalihkan pengabdian daripada Allah kepada hawa nafsu yang cenderung mengarahkan manusia kepada kesesatan. Allah memerintahkan kita memerhatikan masalah ini dalam firman-Nya bermaksud: "Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya dan Allah membiarkannya sesat berdasarkan ilmu-Nya." (Surah al-Jaathiyah, ayat 23) Dengan puasa, manusia akan berjaya menguasai nafsunya yang membuat jiwanya menjadi kuat. Dengannya manusia memperoleh darjat tinggi serta menjadikannya mampu mengetuk dan membuka pintu langit hingga segala doanya dimakbulkan Allah. Rasulullah bersabda, ertinya: "Ada tiga golongan yang tidak ditolak doa mereka: Orang yang berpuasa hingga berbuka, pemimpin yang adil, dan doa orang yang dizalimi." (Hadis riwayat at-Tirmizi)

Mendidik keinginan ke arah kebaikan.

Puasa mendidik seseorang untuk memiliki keinginan kepada kebaikan, meskipun menghadapi pelbagai rintangan. Puasa yang dikerjakan secara terbaik akan membuat seseorang itu terus mempertahankan keinginannya yang baik. Rasulullah menyatakan bahawa puasa itu setengah daripada kesabaran. Rasulullah bersabda, maksudnya: "Puasa itu sebagai benteng" (daripada serangan keburukan). Dalam kaitan ini, puasa akan menjadikan rohani seorang Muslim semakin ampuh. Kekuatan rohani unggul ini akan membuat seseorang itu tidak akan lupa diri, meskipun sudah mencapai kejayaan atau kenikmatan duniawi. Kekuatan rohani juga akan membuat seorang Muslim tidak akan berputus asa meskipun penderitaan yang dialami sangat sulit.

Menyihatkan badan.

Di samping kesihatan dan kekuatan rohani, puasa memberikan pengaruh positif berupa kesihatan jasmani (tubuh dan anggota badan). Hal ini tidak hanya dinyatakan oleh Rasulullah, malah dibuktikan oleh doktor atau ahli perubatan.

Mengenal nilai kenikmatan dan bersyukur.

Dalam hidup ini, sebenarnya terlalu banyak kenikmatan diberikan oleh Allah kepada manusia, tetapi ramai yang tidak mensyukurinya. Dapat satu tidak terasa nikmat kerana menginginkan dua. Dapat dua tidak terasa nikmat kerana menginginkan tiga dan begitu seterusnya. Maka, dengan puasa manusia bukan hanya disuruh memperhatikan dan merenungi kenikmatan yang diperoleh, malah diminta merenungi nikmat Allah kepada kita. Di sini, pentingnya puasa bagi mendidik untuk menyedari be-

tapa tingginya nilai kenikmatan yang Allah berikan supaya kita menjadi orang yang pandai bersyukur dan tidak mengecilkan erti kenikmatan daripada Allah. Rasa syukur memang akan membuat nikmat itu bertambah banyak, baik dari segi jumlah atau paling tidak dari segi rasanya. Allah berfirman bermaksud: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih." (Surah Ibrahim, ayat 7).

Mengingati dan merasakan penderitaan orang lain.

Berlapar dan dahaga memberikan pengalaman bagaimana beratnya penderitaan yang dirasakan orang lain. Pengalaman berlapar dan haus itu akan segera berakhir hanya dengan beberapa jam (lebih kurang 12 atau 13 jam), sementara penderitaan orang lain entah bila berakhir. Dari sini puasa akan melahirkan dan memantapkan rasa simpati kita kepada kaum Muslimin lainnya yang hidup dalam kemiskinan dan menderita. Oleh itu, sebagai simbol daripada rasa simpati itu, sebelum Ramadan berakhir, kita diwajibkan untuk menunaikan zakat (fitrah). Hal ini supaya dengan itu setahap demi setahap kita mampu mengatasi persoalan umat yang menderita. Bahkan, zakat tidak hanya bagi kepentingan orang miskin dan menderita, malah menghilangkan kekotoran jiwa berkaitan harta seperti gila harta dan kikir. Allah berfirman bermaksud: "Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (Surah at-Taubah, ayat 103).

Firman Allah s.w.t

maksudnya: *Tiada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah atau berbuat kebaikan atau mengadakan perdamaian diantara manusia. Dan barangsiapa berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah maka kelak kami memberi kepadanya pahala yang besar (An-Nisaa 114)*



Hadis Abu Hurairah r.a: Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila tiba bulan Ramadan, dibuka pintu-pintu Syurga dan ditutup pintu-pintu Neraka serta syaitan-syaitan dibelenggu.

Restoran KASTURI
15G Jalan Kenanga SD9/4
Bandar Sri Damasara
52200 Kuala Lumpur

Hjh Fatimah
019 365 6664

Katering
Beriani Johor
Masakan Tradisional Melayu

Percetakan Adiwarna Utama

No 3-2 Jalan Ara SD 7/3A
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur

PAKAR PERCETAKAN

Brosur . Katalog . Majalah

Tel: 03 6273 6043

Fax: 03 6272 8043

Satu hadis Nabi berbunyi :

"Telah hampir kepada kamu

satu zaman dimana :

1. *Islam itu banya pda nama.*
2. *Al-Quran itu banya tinggal mashafnya.*
3. *Ulama adalah orang yang mengeluarkan fitnah.*
4. *Masjid gab tetapi sunyi dari hidayah Allah.*

Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda, "Sesiapa yang memiliki emas atau pun perak dan dia tidak menunaikan baknya (yakni zakatnya), maka pada hari kiamat emas dan perak tersebut akan dipanaskan didalam api neraka sehingga akan menjadi seolah olah seperti api neraka. Selepas itu lambung, dabi dan dadanya akan dicapkan dengannya dan akan dilakukan demikian berkali kali sepanjang hari kiamat yang panjangnya adalah 50 ribu tahun mengikut hitungan dunia. Selepas itulah dia akan pergi kepada tempatnya, samada syurga atau pun neraka." (Hadith riwayat Muslim dan Misykat)



APA YANG BARU DI WWW? www.masjidalmukarramah.org

Masjid Al Mukarramah telah menyediakan portal Masjid iaitu:-
www.masjidalmukarramah.org yang cukup lengkap untuk digunakan oleh semua jemaah MAM. Banyak tambahan telah dibuat dan kini rangkaian sedang dibina untuk Masjid-Masjid lain di Lembah Klang dan kawasan yang sewaktu dengannya.

Antara yang menarik:-

1. cybermall MAM— peniaga Islam di Bandar Sri Damansara berpeluang untuk memperdagangkan barangan atau khidmat mereka diruangan ini.
2. Al Quran online—kini anda boleh mendengar bacaan al Quran secara online-
3. On-line registration sebagai ahli kariah : semua jemaah digesa untuk mendaftar diri sebagai ahli kariah secara on-line supaya dapat kita mengimarahkan lagi aktiviti-aktiviti masjid.
4. Shoutbox— jika para jemaah ada sebarang pendapat yang ingin disuarakan bolehlah memasukkan kedalam shoutbox yang disediakan.
5. Self service activity calendar— Anda boleh memasukkan aktiviti-aktiviti masjid atau jemputan walimatul urus ke

sambil membuat pekerjaan harian.

dalam calendar secara online (tetapi hanyalah kepada aktiviti yang berdaftar dengan Masjid)

6. Waktu Solat
7. Video download— anda boleh memuat turun aktiviti-aktiviti Masjid yang telah dijalankan.
8. Tazkirah, ceramah, khutbah semuanya telah disediakan oleh MAM untuk dimuat turun oleh para jemaah.
9. Borang-borang termasuk borang nikah juga boleh didapati di laman web ini.

Sebarang cadangan amatlah dialu alukan. Selamat mencuba. Happy surfing!!

PERIBADI NABI

Ada seorang perempuan tua, rumahnya disinggahi oleh Rasulullah SAW dalam perjalanannya dari Gua Thur ke Madinah Munawarah. Perempuan tua itu kehairanan dengan kehadiran orang yang tidak dikenali itu. Kerana dengan serta-merta kambing-kambingnya banyak mengeluarkan susu sehingga dapat diminum oleh Rasulullah dan para sahabatnya dengan kenyang bahkan berlebihan pula. Apabila suami perempuan tua itu pulang, dia menceritakan peristiwa yang terjadi. Katanya: " Wahai suamiku, sebentar tadi aku telah didatangi oleh seorang lelaki dan beberapa sahabatnya. Kedatangannya telah membuatkan kambing-kambing kita yang telah lama kekeringan susu itu telah kembali mengeluarkan susu bahkan setelah diminum mereka masih berlebihan lagi " .

Seterusnya suami perempuan tua itu bertanya tentang bagaimana rupa

lelaki yang dimaksudkan oleh isterinya itu : " Cuba ceritakan kepadaku tentang keadaan lelaki yang kau maksudkan itu". Mendengar pertanyaan suaminya itu, lalu perempuan tua itu menceritakan demikian ". Wahai suamiku, lelaki yang aku maksudkan itu berkeadaan demikian: rupa parasnya terlalu kacak, mukanya bercahaya, tingkah-lakunya menyenangkan hati, perutnya tidak memboyot, rambutnya kemas dan rapi sekali, segak, tampan, matanya hitam dan besar, rambutnya subur dan tebal, suaranya jelas dan lunak, lehernya jinjang, matanya hitam bercahaya, di sudut-sudut matanya berwarna kebiruan asli, bulu matanya lembut dan tipis, rambutnya hitam dan ikal, diam dan ramah mesra, cantik dan menawan dipandang dari jauh dan amat segak dipandang dari dekat, manis ketika berkata-kata serta jelas tutur-katanya, tidak lebih dan tidak kurang dari yang perlu, percakapannya

tetap, ukuran badannya sederhana, tidak rendah dan tidak terlalu tinggi, seperti setangkai ranting yang segar disunting dari sebatang pohon yang cantik, indah dipandang dan segar bentuknya. Sahabat-sahabatnya sangat setia dan selalu mengelilinginya, mendengar kata-katanya dengan diam dan patuh segera akan apa yang diperintahnya, mereka taat dan suka kepadanya, tidak banyak cakap dan tidak pula menyembunyikan.

Demikianlah gambaran-gambaran tentang keindahan dan keelokan Rasulullah SAW. Mudah-mudahan kita sentiasa terpaut hati kepada baginda dan mencintainya dengan mengikut sunnah hidupnya dalam semua hal.



ADAB KE MASJID

Berangkat ke Masjid

1. Mulai dengan kaki kanan.
2. Berjalan dengan tenang dan tidak tergesa-gesa. Doa Nabi ketika dalam perjalanan menuju Masjid: "Ya Allah jadikanlah dalam hatiku cahaya dan lidahku cahaya dan jadikanlah pada pendengaranku cahaya dan penglihatanku cahaya dan jadikanlah di belakangku cahaya dan di hadapanku cahaya dan di bawahku cahaya, Ya Allah berikanlah kepadaku cahaya"

Adab Memasuki Masjid

1. Membuka kasut dan masuk dengan mendahulukan kaki kanan. Ketika masuk masjid, Rasulullah mengajar kita membaca doa " Ya Allah, bukannya untukku pintu RahmatMu"

2. Memberi salam kepada sesiapa yang berada di dalam masjid
3. Mengerjakan solat sunnah Tahiyatul Masjid (Menghormati Masjid)

ADAB DALAM MASJID

1. Duduk menghadap Qiblat.
2. Memohon doa supaya Allah membuka pintu rahmatNya.
3. Sentiasa menyebut nama Allah.
4. Menghadirkan Ahhala dalam hati.
5. Menghentikan percakapan tentang hal-hal dunia.
6. Jauhi dari menghina Islam.
7. Bezikir dengan suara perlahan.

ADAB KETIKA MENDENGAR AZAN

1. Berdiam diri.
2. Menjawab seruan Azan.

3. Berdoa setelah selesai Azan.
4. Di tambah dengan doa permohonan kerana doa antara Azan dan Iqamah di maqbulkan.
5. Kerjakan solat sunat Rawatib.

ADAB KELUAR MASJID

1. Mohon ampun dan bimbingan Allah agar selamat selama di luar.
2. Berniat untuk datang kembali.
3. Mendahulukan kaki kiri sambil berdoa: "Aku berlindung dengan nama Allah Yang Maha Agung dengan Zat Yang Maha Mulia dan kekuasaanNya yang qadim dari syaitan yang terkutuk".
4. Memberi salam kepada orang yang masih tinggal di masjid.



Rasulullah s.a.w bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu sedang berpuasa pada suatu hari, janganlah bercakap tentang perkara yang keji dan kotor. Apabila dia dicaci maki atau diajak berkelahi oleh seseorang, hendaklah dia berkata: Sesungguhnya hari ini aku berpuasa, sesungguhnya hari ini aku berpuasa."

UNTUK RENUNGAN BERSAMA

PESANAN MENDENGAR AZAN

Kematian itu pasti menjelma. Hanya masa dan waktunya yang tidak kita ketahui. Cuba kita amati. Mengapa kebanyakan orang yg nazak, hampir ajal tidak dapat berkata apa-apa.. lidahnya kelu, keras dan hanya mimik mukanya yang menahan kesakitan 'sakaratul maut'. Dirwayatkan sebuah hadis yang bermaksud: "Hendaklah kamu mendiamkan diri ketika azan, jika tidak Allah akan keluarkan lidahnya ketika maut menghampirinya." Ini jelas menunjukkan, kita disarankan agar mendiamkan diri, jangan berkata apa-apa pun semasa azan berkumandang. Sebagai orang beragama Islam kita wajib menghormati azan. Banyak fadhilatnya. Jika lagu kebangsaan kita diajar agar berdiri tegak dan diamkan diri. Mengapa ketika azan kita tidak boleh mendiamkan diri? Lantas sesiapa yang berkata-kata ketika azan, Allah akan keluarkan lidahnya ketika nazak. Kita takut dengan kelunya lidah kita semasa ajal hampir tiba maka kita tidak dapat mengucap kalimah "Lailahailallah.." yang mana sesiapa yang dapat mengucap kalimah ini ketika nyawanya akan dicabut Allah dengan izinNya menjanjikan syurga untuk mereka. Dari itu marilah kita sama-sama menghormati azan dan mohon kepada Allah supaya lidah ini tidak kelu semasa nyawa kita sedang dicabut. "Ya Allah! Anugerahkanlah kematian kami dengan kematian yang baik lagi mulia, lancarkan lidah kami mengucap kalimah "Lailahailallah.." semasa sakaratul maut menghampiri kami. Amin.. amin.. amin Yarobbal a'lamin.."



WASIAT NABI MUHAMMAD S.A.W. KEPADA SAIDINA ALI R.A.

Wahai Ali, bagi orang yg 'ALIM itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Jujur dalam berkata-kata.
- 2) Menjauhi segala yg haram.
- 3) Merendahkan diri.

Wahai Ali, bagi orang yg JUJUR itu ada 3 tanda2nya:


- 1) Merahsiakan ibadahnya.
- 2) Merahsiakan sedekahnya.
- 3) Merahsiakan ujian yg menimpanya.

Wahai Ali, bagi orang yg TAKWA itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Takut berlaku dusta dan keji.
- 2) Menjauhi kejahatan.
- 3) Memohon yang halal kerana takut jatuh dalam keharaman.

Wahai Ali, bagi AHLI IBADAH itu ada 3 tanda2nya:

- 1) Mengawasi dirinya.
- 2) Menghisab dirinya.
- 3) Memperbanyakkan ibadah kepada Allah s.w.t.



MAM amat
menghaga
SUMBANGAN
anda

*Hadis Adiy bin Hatim r.a
katanya: Aku mendengar
Nabi s.a.w bersabda: Sesiapa
di antara kamu yang mampu
membuat pendinding iaitu
penghalang dari azab
Neraka walaupun hanya
dengan sebelah buah kurma
maka lakukanlah.*



Sudahkah anda
mengeluarkan
ZAKAT?

**Firman Allah s.w.t mak-
sudnya:** *Dan orang-orang
yang berjihad (mencari
keredhaan) kami benar-
benar akan tunjukkan
kepada mereka jalan-
jalan (hidayah) kami. Dan
sesungguhnya Allah
benar-benar berserta
orang-orang yang berbuat
kebaikan (Al-Ankabut 69)*

KUTIPAN DANA RAMADHAN 1427

Masjid al Mukarramah telah pun mengedarkan borang -borang khas untuk penduduk Bandar Sri Damansara dalam usaha untuk mengutip Dana Ramadhan pada tahun ini. Para jemaah bolehlah membantu dengan menderma terus ke Masjid Al Mukarramah. Dana itu akan digunakan untuk pembiayaan aktiviti Ramadhan Mubarak 1427.

A) Derma Amal Jariah itu boleh dibahagikan kepada tiga tabung khusus iaitu:-

- A) Tabung Pengurusan lhya' Ramadhan untuk berbuka puasa, morey, sahur, khidmat dapur, program pengiamrahanTabung
- B) Majlis Tahliil/Arwah, Imam Tarawikh dsb
- C) Tabung Keluarga Mi skin, Anak Yatim, Ibu Tunggal, Saudara Baru dan Orang Kurang Upaya


Pihak Masjid al Mukarramah berharap untuk menjadikan Ramadhan 1427 yang paling diingati oleh kerana tekanan yang dihadapi oleh umat Islam ketika ini. Masjid al-Mukarramah Bandar Sri Damansara dengan cara ini ingin mempertontonkan kesatuan umat Islam yang sejati. Marilah kita sama-sama imarahkan Ramadhan 1427. Borang-borang juga boleh didapati di pintu masuk masjid, laman web dan juga dari pejabat Masjid.

KEMBALI KEPADA AL-QURAN

Sangat jelas bahwa kaum muslimin pada masa ini telah jauh dari Al Quran Al Karim yang merupakan petunjuknya dalam mengharungi bahtera kehidupannya (The Way of Life). Firman Allah: Berkatalah Rasul, "Ya Rabbku, sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini sesuatu yang tidak diacuhkan". (Al Furqaan:30)

Dan mereka (para musuh Islam) berusaha keras untuk menjauhkan kaum muslimin secara persendirian maupun berkumpulan dari sumber utama kekuatannya yaitu Al Quran Al Karim. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Al Quran Al Karim mengenai sasaran rahsia mereka dalam memerangi kaum muslimin dalam firman-Nya : Dan orang-orang yang kafir berkata: "Janganlah kamu mendengar dengan sungguh-sungguh akan Al-Quran ini dan buatlah hiruk-pikuk terhadapnya, supaya kamu (Fussilat:26)

Jal Daston selaku perdana menteri masih di tangan umat Islam, negara-negara Timur." (Lihat buku Pembantaian Kaum Muslimin di Abdurrahman Al Mahisy / 13). Karim merupakan suatu masalah tubuh kaum muslimin.



Inggeris mengatakan : "Selagi Al Quran Eropah tidak akan dapat menguasai "Rencana Penghapusan Islam dan Abad Modern" oleh Nabil Bin Jauhnya umat terhadap Al Quran Al besar yang sangat fundamental dalam

Perkara untuk mengikut petunjuk Allah melalui kitab-Nya, bukan sekedar perbuatan sunnah atau suatu pilihan. Firman Allah : "Dan tidakkah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barang siapa mendurhakai Allah dan Rasul-Nya maka sungguhlah dia telah sesat, dengan kesesatan yang nyata." (Al Ahzab:36)

Rasulullah s.a.w bersabda :

"Sesungguhnya Allah mengangkat beberapa kaum dengan Kitab (Al Quran) ini dan menghinakan yang lain dengannya pula." (Hadith Riwayat Muslim)

Karena itu jangan sampai kita mengikuti hawa nafsu mereka yang menyimpang dari garis yang tegas ini. Sepertimana Firman Allah: "Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemauan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu". (Al Baqarah:120)

Ringkasnya, ketika umat Islam telah jauh dari Kitabullah, maka musibah dan malapetaka serta segala jenis penyakit hati akan datang silih berganti, sebagaimana yang saat ini kita lihat sendiri berlaku secara jelas.

Kita berdoa kepada Allah , semoga Dia mengerakkan hati dan memudahkan langkah kita dan umat Islam lainnya untuk kembali kepada Kitabullah dan Sunnah Nabinya sehingga menjadi umat yang terbaik sebagaimana firman-Nya:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah". (Ali Imran:110)

Ruang Iklan


Ruang Iklan

Ruang Iklan

Bedlinen Blinds Prod Installers Sofa & Upholstery

ANITA YATI NORDIN
Managing Director
012 207 7269

CRYSTAL



TREND

CRYSTAL TREND SENDIRIAN BERHAD
(Co. No. 409014-D)
28 Jalan Meranti SD 13/5
Bandar Sri Damansara
52200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Telephone: 6 03 6277 1800
Facsimile: 6 03 6277 5800
e-mail: anita@crystaltrend.com
www.crystaltrend.com

Upholstery Fabric Drapery Fabric Cushion Covers

dnaCOMM
Your **BRANDING**
Specialist

We also offer:

- Advertising
- Public Relations
- Sales Promotion
- Event Management
- Recruitment Ads
- Publishing
- Website Design


dnaCOMM
For more information, call
603-6277 3885

MF Associates Sdn. Bhd.
(Co. No. 217031-P)

Quantity Surveyor Building Economists Construction Cost Consultant
Jurukur Bahan Juruekonomi Bangunan Perunding Kos Binaan

AMIRULLAH HARUN
DIRECTOR
Dip. Q.S. B.Q.S. (Hons) (UTM)


JAS-ANZ



No. 219, Jalan SS6/12
Kelana Jaya 47301
Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7803 8432
Fax : 03-7803 4807
e-mail : mfasb@tm.net.my



ALAUDEEN MD. MAIDEEN
Unit Trust Consultant
H/P: 019-216 7423
E-mail: rosi793@tm.net.my



PUBLIC MUTUAL
(Subsidiary of Public Bank)

Public Mutual Berhad (23419-A)
Damansara Perdana Branch
No. 1 & 3, Jalan PJU 8/5 I, Perdana Business Centre,
Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 603-7722 2470 Fax: 603-7722 2475
Customer Service Hotline: 603-6279 5252
Web: http://www.publicmutual.com.my

SRI TALAMAZ ENTERPRISE (001285647-D)

• Manufacturer & Supplier Of Malay / Nyonya Kuih & Frozen Foods. • Catering Service.

Mariam Merican **Zaleha Merican**
016 - 460 0460 012 - 661 8440
209

No.31, Jalan Meranti SD 13/4, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur
Tel : 03-6272 7846 Fax: 03-6277 9846 e-mel : sritalamaz@yahoo.co.uk

Electronic Security System Cabling Works Project Consultancy Hardware. Software (Security Solutions, Financial Management, Software Development)



KHABIR TECH SON. BHD.
(577385-H)

Nor Azhar Ayop
Chief Executive Officer
H/P : +6019-267 3989
E-mail : node@tm.net.my

Suite 6-1A, Jalan UP 1/2,
Ukay Perdana Business Park,
Ukay Perdana, 68000 Kuala Lumpur.
E-mail : k_birtec@tm.net.my



KML Marketing
KBSN AUTO SDN BHD (611609-D)

KAMAL BAHRIN HALIL
Perunding / Negotiator

No 11 Jalan Margosa SD 10/5A,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

Tel/Fax : 03-6272 8489
H/P : 019-383 7734

Terfikir kereta, Teringat Thinking of car, think of



KML Marketing 

Sesiapa yang berminat untuk mengiklan sila hubungi pihak masjid di 03 62723944 atau layari laman web masjid www.masjidalmukarramah.org

HANYA SEKADAR senyuman,
Begitu fikirku,
Tiada apa yang susah,
Tiada yang salah,
Memberi dan menerima,
Adat bersahabat mesra.

Hanya sekadar salam,
Begitu niatmu,
Tiada yang terasa,
Tiada keluh kesah,
Saling berhubung,
Eratkan persaudaraan.

Hanya sekadar tegur,
Begitu andainya,
Begitu juga andaiku,
Begitu pula andaimu,
Namun siapa yang tahu,
Nasib di hari kemudian,
Dek falsafah ukhuwwah filLah,
Yang kini telah disalahertikan!
~ Hamba Allah ~

IKUT RASA BINASA

Hiduplah kita sebagai orang berjasa,
Hendaklah kita bertimbang rasa,
Bukan mengikut hawa dunia,
Kelak dirundung ke jalan binasa.

Di dunia menjadi sampah nusa,
Di akhirat akan diseiksa,
Bersyukurlah pada yang Esa,
Hanya Dialah yang berkuasa.

Ingatlah esok ataupun lusa,
Kita dijemput oleh Penguasa,
Tingkatkan amalan setiap masa,
Moga di sana aman sentosa.

Yang bernilai bukan emas atau suasa,
Tapi iman dan taqwa menjamin hidup selesa,
Waspadalah dari menjadi mangsa,
Sesungguhnya syaitan menanti masa. - zk

GURU

Seorang insan di tabir malam
Tersenyum di balik kepayahan
Tidakkan layu mencurah ilmu
Luas lautan baktimu guru

Kau membentuk akhlak diri
Agar menjadi insan berbudi
Menyuluh gelita malam
Terangi kehidupan

Sayup di hatimu
Walau pedih jiwamu
Kau mendidik tanpa jemu
Hanya mengharap
Sinar kejayaan
Doa restu dikau iringkan

Terima kasih cahaya hatiku
Tulus suci kasihmu
Oh Tuhan
Rahmati guru

Wahai guruku yang tercinta
Kan ku ingat segala jasamu
Harapanmu pasti ku kotakan
Agar menjadi insan gemilang - Ayub

Ruang Iklan

PRE-SCHOOL

PRIMARY

SECONDARY

Qids

Qur'anic Intelligence Development System

Qids Education Foundation
8A, 8B, 10A & 10B, SS21/35,
Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Telephone: +60-3-7727 1054 / 7729 6621 / 7729 8821

Contact Person 1. Puan Rozzi Abd Wahab (012) 299 7414
2. Puan Sharifah Shaheerah (012) 203 1922
3. En.Dhamiri (012) 388 2327

IT TRAINING CENTER FOR EVERYONE
Children, Senior Citizen, Professionals
Benefit of Our Children Program



- ◆ Specially designed program for primary and secondary level school children.
- ◆ Optimum exploration of the World of Computing.
- ◆ Enhance your children creativity.
- ◆ Improve their thinking skills through fun activities.

4 easy ways to register

Fax: 03 6274 9663 **Phone:** 03 6274 9276
Email: info@zohlgroupp.com **Url:** www.zohlgroupp.com

Microsoft Applications Web Publishing Internet
Java Programming Database Administration .NET

Dapatkan Rempah
Al-Qudrah Sekarang!!

Pelbagai perasa yang dibuat
dari sumber asli dan **HALAL**. Pasti memuaskan. Cubalah

Untuk pesanan sila hubungi: Pn. Zaleha (03 6274 9276)

Al-Qudrah F&B Enterprise

(A Division of ZOHL Industries Sdn. Bhd.)
20-3 Jalan Damar SD 15/1, Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Tel: +603 6274 9276 Fax: +603 6274 9663
www.zohlgroupp.com

BARU DIPASARAN. PENGEDAR DIKEHENDAKI

Diterbitkan oleh: Biro Penerangan Dan Penerbitan, Masjid Al-Mukarramah, Jalan Saga SD 8/1, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur
Tel/Fax: +603 6272 3944 Email: info@masjidalmukarramah.org Laman Web: www.masjidalmukarramah.org

PERINGATAN - BULETIN INI MENGANDUNGI AYAT AL QURAN. JAGA DAN HORMATILAH KESUCIANNYA